

# EkuiNAS peruntuk RM240 juta untuk program penyumberaan luar fasa kedua

Oleh IKHWAN IDERIS

ikhwan.ideris@kosmo.com.my

**PETALING JAYA** – Syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) memperuntukkan dana sejumlah RM240 juta bagi Program Penyumberaan Luar Fasa Kedua.

Menerusi program tersebut, EkuiNAS akan memberi modal kepada Pengurus Dana Penyumberaan Luar (OFM) terpilih, yang kemudiannya akan mengumpul dana tambahan daripada pelabur persendirian untuk dilaburkan dalam syarikat tempatan yang berpotensi tinggi.

Untuk itu, EkuiNAS melantik lima buah firma ekuiti persendirian sebagai OFM iaitu TAEL Partners, RM Capital Partners, Tuas Capital Partners dan CMS Opus Private Equity yang dilantik di bawah Program Penyumberaan Luar Fasa Kedua manakala Asiasons dipilih di bawah Program Penyumberaan Luar Fasa Pertama yang dilancarkan pada 2011.

Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, bagi fasa kedua, pihaknya memberi tumpuan lebih kepada pembangunan industri firma ekuiti persendirian di negara ini dan modal yang diperuntukkan kepada OFM akan membantu mereka meluaskan jangkauan sebagai penyedia modal alternatif kepada syarikat berpotensi.

“Selain peruntukan RM240 juta da-



**DARI** kiri, Raja Arshad, Abdul Wahid dan Abdul Rahman pada sidang akhbar Program Penyumberaan Luar Fasa Kedua EkuiNAS di Petaling Jaya semalam.

ripada EkuiNAS, pihak OFM yang dipilih telah berjaya menarik modal tambahan sebanyak RM133 juta daripada pelabur persendirian, menjadikan jumlah modal sedia untuk pelaburan di bawah Program Penyumberaan Luar Fasa Kedua sebanyak RM373 juta.

“Dana ini akan digunakan untuk melaksanakan pelaburan pertumbuhan modal minoriti antara RM10 juta hingga RM30 juta dalam syarikat-syarikat tempatan berpotensi tinggi yang mana 70 peratus daripada dana peruntukan EkuiNAS dikhususkan untuk syarikat bumiputera,” katanya pada majlis pelancaran Program Penyumberaan Luar Fasa Kedua di sini semalam.

Turut hadir merasmikan pelancaran tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Abdul Rahman berkata, ditambah dana daripada fasa pertama, jumlah yang disediakan untuk pelaburan di bawah Program Penyumberaan Luar EkuiNAS adalah RM925 juta yang mana 30 peratus daripadanya adalah daripada pelabur persendirian.

“Selain suntikan modal, syarikat-syarikat tempatan bakal memperoleh banyak faedah daripada program ini hasil bantuan kepakaran, rangkaian dan amalan pengurusan yang baik daripada OFM terlibat,” katanya.